

Perbincangan dua hala Malaysia-Singapura April

PUTRAJAYA 28 Feb. - Malaysia akan mengadakan perbincangan dua hala dengan Singapura di republik itu pada April ini bagi mengkaji secara terperinci mengenai kemungkinan melaksanakan dasar penerbangan yang lebih liberal antara kedua-dua negara.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy berkata, mesyuarat peringkat pegawai yang diketuai oleh Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Zakaria Bahari itu akan meneliti segala aspek teknikal sebelum sebarang keputusan dapat dicapai.

Mesyuarat itu, katanya, adalah susulan daripada perbincangan dua hala antara Kuala Lumpur dan Singapura ketika menghadiri mesyuarat menteri-menteri pengangkutan ASEAN di Bangkok, Thailand baru-baru ini.

"Ketika di Bangkok, kita telah bersetuju untuk mengadakan mesyuarat kali kedua di Singapura, kita harap dapat capai sesuatu

UM-113/2007.
keputusan yang akan memberi manfaat kepada negara.

"Apabila kita sudah dapat capai (keputusan), kita akan umumkan perkara itu kerana yang penting ialah dapat menambah lebih banyak kemasukan penerbangan dari luar ke negara ini," katanya kepada pemberita pada majlis sambutan Krismas dan Tahun Baru Cina peringkat kementerian di sini hari ini.

Beliau mengulas gesaan AirAsia agar laluan Kuala Lumpur-Singapura dibuka bagi membolehkan syarikat penerbangan murah kedua-dua buah negara itu dapat memberikan perkhidmatan di kedua-dua negara tersebut pada tahun ini.

Bagaimanapun, para pemerhati industri berpandangan, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) akan terjejas sekiranya kerajaan membuka laluan udara Kuala Lumpur-Singapura lebih awal daripada tahun 2008.